

**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB3000009763

**PENGURUSAN KEWANGAN KONTRAKTOR KELAS D DIDALAM
PERLAKSANAAN PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN**

HALIMAH BINTI AB RAHMAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2009

ABSTRAK

Pengurusan kewangan ditafsirkan sebagai penggunaan sumber kewangan dan merangkumi segala keputusan yang akan mempengaruhi kedudukan kewangan sesebuah firma. Pengurusan kewangan yang baik akan membolehkan sesebuah firma mengaut keuntungan yang besar dalam projek yang dilaksanakan. Matlamat utama bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti sistem pengurusan kewangan Kontraktor Kelas D semasa melaksanakan projek pembinaan bangunan. Terdapat tiga aspek yang perlu diambil kira dalam pengurusan kewangan iaitu struktur organisasi firma, pengurusan kewangan dan prestasi kewangan kontraktor. Bagi menjalankan kajian ini, lima sampel yang terdiri daripada kontraktor bumiputera kelas D di sekitar Johor Bahru dipilih dan ditemui bual untuk mendapatkan data berkenaan pengurusan kewangan. Sebagai kesimpulan daripada kajian yang dijalankan, sistem pengurusan kewangan Kontraktor Kelas D adalah kurang sistematik kerana tidak mengikut 100% teori sebenar sistem pengurusan kewangan yang telah dikenal pasti. Hasilnya , prestasi kewangan Kontraktor Kelas D yang dapat dilihat adalah kurang memuaskan dengan pencapaian keuntungan bersih sebanyak 2.97% daripada jumlah pendapatan yang diperoleh dalam tempoh setahun. Ini menunjukkan bahawa sistem pengurusan kewangan Kontraktor Kelas D adalah kurang berkesan disebabkan pengamalan sistem pengurusan kewangannya yang kurang sistematik.

ABSTRACT

Financial management is the use of company financial resource and includes all decision that can have great impact on the finances of the company. A good financial management will help to generate big income thus will increase the profit based on constructions project done. This study was conducted to identify financial management system of Class D Contractor specifically in constructing a building project. There are three aspects to be considered which are organizational structure, financial management procedure and financial performance. Five sample of Bumiputera Class D Contractor in district Johor Bahru were chosen as sample to construct this study. The technique used to collect data was through structured interview and observation based on financial statement. After the study had been conducted, we know that the financial management of Class D Contractor is not really systematic because the practical method used is different compared to the theoretical method of financial management. As a result, the average percentage profit generated in a year is about 2.97% from the total income. This situation shows that financial management system of Class D Contractor is not really good because they are not using standard method of financial management system.